



PEMBANGUNAN TANAH WAKAF DI NEGERI SABAH: SUATU SOROTAN LITERATUR

DEVELOPMENT OF WAQF LAND IN SABAH: A LITERATURE HIGHLIGHT

Siti Saidatulakmal Arishin^{1*}, Masnih Mustapa²

¹ Academy Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi Mara, Malaysia
Email: saidatul1862@uitm.edu.my

² Academy Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi Mara, Malaysia
Email: masnih@uitm.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 01.06.2023

Revised date: 17.07.2023

Accepted date: 16.08.2023

Published date: 01.09.2023

To cite this document:

Arishin, S. S., & Mustapa, M. (2023). Pembangunan Tanah Wakaf di Negeri Sabah: Suatu sorotan literatur. *International Journal of Law, Government and Communication*, 8 (33), 22-32.

DOI: 10.35631/IJLGC.833002

This work is licensed under [CC BY 4.0](#)



Abstrak:

Wakaf merupakan antara mekanisme pengagihan harta dan kekayaan yang amat penting dalam ekonomi Islam. Peranan wakaf dalam pembangunan ekonomi adalah sangat signifikan dimana iaanya menjadi medium agihan semula harta dalam konteks yang lebih menyeluruh seperti pendidikan, kesihatan, ekonomi, pembangunan masyarakat dan sebagainya. Sabah kedua negeri terbesar di Malaysia mempunyai tanah wakaf yang banyak. Jika tanah-tanah wakaf ini ditadbir urus dengan baik iaanya boleh mendatangkan manfaat ekonomi kepada umat Islam dan pembangunan ekonomi Sabah juga akan lebih mapan. Justeru sorotan literatur ini dijalankan bertujuan untuk mengkaji kekangan yang dihadapi dalam membangunkan tanah wakaf di Sabah dan langkah yang dilakukan oleh Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS) dalam membangunkan tanah wakaf di Sabah. Kajian ini dilakukan secara kualitatif dengan menggunakan analisis kandungan sebagai reka bentuk kajian. Dapatkan hasil kajian mendapati bahawa Sabah mempunyai tanah wakaf yang berpotensi untuk dibangunkan dan terdapat kekangan yang dihadapi oleh MUIS dalam membangunkan tanah wakaf di Sabah.

Kata Kunci:

Ekonomi, Institusi, Pengagihan, Tanah, Wakaf

Abstract:

Waqf is one of the most important property and wealth distribution mechanisms in the Islamic economy. The role of waqf in economic development is very significant where it becomes a medium for property redistribution in a more comprehensive context such as education, health,

economy, community development and so on. Sabah, the second largest state in Malaysia, has a lot of waqf land. If these waqf lands are managed well, they can bring economic benefits to Muslims and Sabah's economic development will also be more sustainable. Therefore, this literature highlight was conducted to study the constraints faced in developing waqf land in Sabah and the steps taken by the Islamic Religious Council of Sabah (MUIS) in developing waqf land in Sabah. This study was conducted qualitatively by using content analysis as a research design. The findings of the study found that Sabah has waqf land that has the potential to be developed and there are constraints faced by MUIS in developing waqf land in Sabah.

Keywords:

Economy, Institutions, Distribution, Land, Waqf

Pendahuluan

Wakaf merupakan penyerahan aset atau harta seseorang sebagai amalan jariah untuk kebaikan dan manfaat umat Islam. Apabila berwakaf, harta tersebut tidak lagi boleh dijual, dipindah milik, dan diwarisi oleh ahli keluarga atau mana-mana pihak berwajib. Harta wakaf tersebut tetap menjadi hak milik kepada umat Islam selamanya. Harta yang boleh di wakafkan adalah berbentuk harta alih dan harta tak alih. Harta alih seperti wang ringgit, pakaian manakala harta tak alih seperti tanah dan bangunan. Amalan berwakaf bukan sahaja mempunyai nilai yang tinggi dalam agama tetapi juga dalam sosial dan ekonomi (Rahman, 2009).

Dalam konteks ekonomi, wakaf adalah salah satu instrumen kewangan yang penting dalam pembangunan ekonomi dan menjadi alat pengagihan semula dalam harta dan kekayaan. Wakaf dapat menjadi sumber dana dalam membiayai projek-projek pembangunan seperti pembangunan infrastruktur, pemerkasaan ekonomi dan masyarakat, dan pembangunan sektor kewangan. Bukan itu sahaja, wakaf juga dapat mengurangkan jurang ekonomi dan sosial dengan memberi akses yang lebih adil terhadap sumber manusia dan peluang ekonomi. Sehubungan dengan itu, wakaf boleh digunakan untuk menyokong perusahaan kecil dan sederhana, menyediakan biasiswa bagi kanak-kanak yang berkemampuan dan dapat memberi bantuan kepada golongan yang memerlukan. Pada masa yang sama, wakaf dapat membantu pertumbuhan ekonomi dan meningkatkan produktiviti (Rahman, 2009).

Walaubagaimanapun, perlu difahami bahawa kejayaan amalan berwakaf dalam menyokong pembangunan ekonomi bergantung kepada pelaksanaan yang efektif dan efisien serta pengurusan pentadbiran yang baik. Di negeri Sabah, seperti di negeri-negeri lain di semenanjung, tanah wakaf memainkan peranan penting dalam memajukan ekonomi masyarakat setempat untuk memenuhi keperluan masyarakat muslim. Tanah wakaf di Sabah dijadikan sebagai tempat ibadah, sekolah-sekolah agama, dan program sosial. Pembangunan tanah wakaf adalah salah satu aspek penting dalam pembangunan sosioekonomi di negeri Sabah (Abdul, 2006).

Pembangunan tanah wakaf di Sabah melibatkan pelbagai aspek, termasuklah pembangunan infrastruktur dan kemudahan, pembangunan ekonomi dan pendidikan, serta peningkatan kualiti hidup. Pihak berwajib juga telah melaksanakan pelbagai inisiatif dan program bagi memajukan tanah wakaf di Sabah, termasuklah melaksanakan projek pembangunan harta tanah wakaf, memperkasa pengurusan tanah wakaf dan menggalakkan penglibatan komuniti tempatan

dalam memajukan tanah wakaf. Di Sabah, tanah wakaf ditadbir urus oleh Lembaga Pengurusan Wakaf Negeri Sabah. Antara peranan Lembaga Pengurusan Wakaf Negeri Sabah adalah membantu mengurus dan mengemaskini tanah-tanah wakaf, menguruskan permohonan tanah dan mengenalpasti status tapak tanah yang digunakan bagi bangunan masjid, surau dan sekolah di seluruh negeri Sabah.

Namun, terdapat beberapa cabaran yang dihadapi oleh Lembaga Pengurusan Wakaf Negeri Sabah dalam membangunkan tanah wakaf. Justeru, kajian ini ingin mengkaji kekangan-kekangan yang dihadapi oleh pihak lembaga dalam membangunkan tanah wakaf. Kekangan ini perlulah dikenalpasti dan diatasi dalam memastikan kemajuan dalam pembangunan ekonomi dan sosial di negeri tersebut sentiasa pada tahap yang baik dan memuaskan. Pembangunan tanah wakaf yang berjaya di Sabah akan memberi manfaat jangka panjang kepada masyarakat setempat dan akan meningkatkan pertumbuhan ekonomi mereka. Maka dengan itu, kefahaman dan kesedaran orang ramai khasnya umat Islam mengenai tanah wakaf adalah amat mustahak dan kerjasama antara semua pihak yang terlibat amatlah penting dalam memastikan pembangunan tanah wakaf di Sabah berjalan dengan lancar dan berkesan.

Permasalahan Kajian

Di Negeri Sabah, pemberian tanah wakaf diatur oleh Undang-Undang Tanah Sabah, yang membolehkan individu untuk menyumbangkan tanahnya untuk kepentingan umum atau agama Islam. Setelah tanah tersebut diwakafkan, tanah tersebut menjadi milik Majlis Ugama Islam Sabah (MAIS) selaku pemegang amanah tunggal wakaf di Sabah yang berkuatkuasa pada 1 Januari 2019.

Sehingga tahun 2021, seluas 1040.835 ekar tanah wakaf didaftarkan di Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS). Tanah wakaf tersebut terdiri daripada tanah wakaf khas yang bertujuan untuk membina surau, masjid dan sekolah agama negeri. Selain itu terdapat juga tanah wakaf am, wakaf anugerah kerajaan, dan tanah wakaf individu. Hal ini menunjukkan walaupun negeri Sabah mempunyai jumlah masyarakat *non-muslim* yang tinggi berbanding muslim, namun kesedaran masyarakat Islam mengenai amalan berwakaf di Sabah masih pada tahap yang baik. Hal ini terbukti apabila ramai masyarakat Muslim yang mewakafkan tanah. Persoalannya adakah tanah-tanah wakaf ini dibangunkan dengan berjaya? Hal ini kerana jika tanah-tanah wakaf ini dapat dibangunkan menerusi pelbagai projek ianya mampu menjana kewangan dan meningkatkan ekonomi umat Islam setempat.

Metodologi Kajian

Pendekatan kualitatif dipilih kerana ia membolehkan pemahaman mendalam terhadap isu-isu pengurusan dan pembangunan tanah wakaf di Negeri Sabah. Kajian ini melibatkan penggunaan kaedah analisis kandungan untuk mengkaji dokumen teks seperti jurnal akademik, laporan kerajaan, penerbitan agama, dan sumber berkaitan lain.

Proses pengumpulan data melibatkan penyelidikan dan penilaian sumber literatur yang telah diterbitkan sebelum ini. Carian sistematis akan dijalankan dalam pangkalan data akademik dan perpustakaan digital untuk mengumpulkan maklumat berkaitan dengan pembangunan tanah wakaf di Negeri Sabah. Data kualitatif ini termasuk teks, laporan, artikel, dan sumber relevan lain.

Kaedah analisis kandungan akan digunakan untuk menganalisis data. Data kualitatif akan disusun, dikategorikan, dan dianalisis untuk mengenal pasti tema-tema utama berkaitan dengan

pembangunan tanah wakaf di Negeri Sabah. Ini melibatkan pengenalan ayat-ayat kunci, konsep penting, dan pola-pola dalam sumber-sumber kualitatif.

Perbincangan

Terdapat beberapa kajian yang membincangkan kekangan membangunkan tanah wakaf di Sabah. Antaranya ialah kajian oleh Azizan Baharuddin dan Norazila Mohd Noor (2018) membincangkan cabaran yang dihadapi dalam membangunkan tanah wakaf di Sabah. Antara cabarannya ialah kekurangan peruntukan kewangan, kurangnya kepimpinan yang kukuh dalam jabatan wakaf tempatan, dan ketidakpastian undang-undang mengenai pengurusan tanah wakaf. Hal ini menunjukkan terdapat beberapa isu mustahak yang perlu diselesaikan dalam memastikan tanah wakaf di Sabah berjaya.

Sama seperti kajian sebelumnya, kajian oleh Mohd Nazri Mohd Noor, Norazila Mohd Noor, dan Azizan Baharuddin (2018) dan Nurul Hidayah Omar dan Rozaimi Ghazali (2019) juga menemukan bahawa kurangnya kesedaran masyarakat mengenai tanah wakaf, ketidakpastian undang-undang, kurangnya kepimpinan yang kukuh dalam jabatan wakaf tempatan, dan kekurangan sumber kewangan adalah cabaran utama yang dihadapi dalam membangunkan tanah wakaf di Sabah. Maklumat ini menunjukkan betapa pentingnya pendidikan dan kesedaran mengenai tanah wakaf, serta perlunya kerjasama antara pelbagai pihak untuk memastikan pembangunan yang berjaya dan berkesan.

Selain itu, berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Siti Nur Farhana Mohd Asri dan Zurina Kefeli @ Zulkefli (2020), cabaran utama yang dihadapi dalam membangunkan tanah wakaf di Sabah ialah kurangnya sumber kewangan, kurangnya pemahaman mengenai undang-undang dan prosedur pengurusan tanah wakaf, serta kurangnya kesedaran masyarakat mengenai potensi tanah wakaf.

Seterusnya kajian yang dilakukan oleh Kamsia Budin dan Nuramalina Abdul Nasir (2021) juga menemukan bahawa kekangan yang dihadapi dalam membangunkan tanah wakaf di Kota Kinabalu Sabah termasuklah kurangnya kesedaran mengenai potensi tanah wakaf, kurangnya pemahaman mengenai undang-undang dan prosedur pengurusan tanah wakaf, serta kurangnya sumber kewangan dan kepimpinan yang kukuh.

Kedua-dua kajian ini menunjukkan bahawa terdapat beberapa isu penting yang perlu diselesaikan dalam memastikan pembangunan tanah wakaf yang berjaya di Sabah, terutamanya berkaitan dengan kesedaran masyarakat dan pemahaman undang-undang serta sumber kewangan yang mencukupi.

Terdapat satu lagi kajian yang relevan dengan isi membangunkan tanah wakaf di Sabah iaitu kajian oleh Norziani Dahalan, Kamsia Budin, dan Nuramalina Abdul Nasir (2020) yang membincangkan isu-isu dan cabaran yang dihadapi dalam membangunkan tanah wakaf di Sabah, serta memberi tumpuan pada potensi dan peluang yang boleh diambil untuk meningkatkan pembangunan tanah wakaf di Sabah. Beberapa cabaran yang dikenalpasti termasuk kurangnya pemahaman masyarakat tentang konsep wakaf, kurangnya kepimpinan yang kukuh dalam pengurusan tanah wakaf, kekurangan sumber kewangan, dan ketidakpastian undang-undang. Bagaimanapun, kajian ini juga menunjukkan bahawa terdapat peluang besar untuk membangunkan tanah wakaf di Sabah, seperti memanfaatkan teknologi maklumat dan komunikasi untuk mempromosikan wakaf, menggalakkan kerjasama antara agensi wakaf dan

sektor swasta, dan memperkenalkan program latihan untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam pengurusan tanah wakaf.

Terdapat juga kajian-kajian lepas yang membincangkan mengenai langkah mengatasi cabaran atau kekangan dalam membangun tanah wakaf di negeri Sabah. Antaranya ialah kajian Nursyazwani Abdul Rahman dan Rosniza Aznie Che Rose (2015) membincangkan isu-isu dan cabaran dalam pengurusan tanah wakaf di Sabah, serta mencadangkan beberapa penyelesaian. Dalam kajian ini, penulis mengenal pasti beberapa cabaran yang dihadapi dalam pengurusan tanah wakaf di Sabah, termasuklah isu kelewatan dalam pemindahan hakmilik, isu pendaftaran tanah wakaf, isu pemindahan milik tanah wakaf, isu pengurusan dan penyelenggaraan tanah wakaf, dan isu kekurangan sumber kewangan. Untuk mengatasi cabaran ini, kajian ini mencadangkan beberapa penyelesaian seperti memperkenalkan program-program latihan untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam pengurusan tanah wakaf, mewujudkan pusat pengurusan wakaf untuk menguruskan urusan tanah wakaf, dan memperkenalkan mekanisme pembiayaan alternatif seperti sukuk wakaf untuk mendapatkan sumber kewangan yang mencukupi. Kajian ini menyimpulkan bahawa pengurusan tanah wakaf di Sabah memerlukan pendekatan holistik dan kerjasama yang erat antara pelbagai pihak untuk memastikan pembangunan dan pengurusan tanah wakaf yang berkesan dan lestari.

Selain itu kajian Siti Nurulhuda Ibrahim, Mohd Fauzi Mohd Harun, dan Mohd Hanafi Mohd Yasin (2016) membincangkan pengurusan tanah wakaf di Sabah, Malaysia dengan memberi tumpuan pada Kota Kinabalu dan Sandakan sebagai kajian kes. Dalam kajian ini, penulis menyediakan gambaran tentang pengurusan tanah wakaf di Sabah, termasuk pelbagai isu dan cabaran yang berkaitan dengan pengurusan tanah wakaf. Beliau juga menghuraikan beberapa strategi dan pendekatan yang boleh digunakan untuk mengatasi cabaran seperti meningkatkan kesedaran masyarakat tentang wakaf dan menguatkuaskan undang-undang yang berkaitan dengan tanah wakaf. Hasil kajian mendapati bahawa pengurusan tanah wakaf di Sabah masih lagi memerlukan penambahbaikan dan pembaikan dalam pelbagai aspek.

Selain dari itu, kajian Nurul Farhana Jamil, Mohd Fauzi Mohd Harun, dan Mohd Hanafi Mohd Yasin (2017) mengkaji pengurusan tanah wakaf di Sabah, khususnya di Pusat Asuhan Tunas Islam (PATI) Kota Kinabalu. Tujuan utama kajian ini adalah untuk mengenal pasti amalan pengurusan tanah wakaf di PATI serta mengenal pasti cabaran yang dihadapi dalam pengurusan tanah wakaf. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui temu bual dengan responden yang terlibat dalam pengurusan tanah wakaf di PATI Kota Kinabalu. Hasil kajian menunjukkan bahawa pengurusan tanah wakaf di PATI masih belum teratur dan teratur, terutamanya dalam proses pendaftaran dan pemindahan tanah wakaf. Terdapat juga kekurangan dalam proses pengurusan harta wakaf yang berkaitan dengan pembayaran cukai dan yuran tanah. Kajian ini memberi cadangan kepada pihak berkuasa untuk memperbaiki pengurusan tanah wakaf, terutamanya di PATI Kota Kinabalu, untuk memastikan harta wakaf digunakan dengan lebih berkesan.

Seterusnya kajian Salwa Hana Yussof dan Zainal Abidin Sanusi (2018) mengkaji permasalahan dan pengurusan tanah wakaf di Daerah Kota Kinabalu, Sabah dengan menggunakan pendekatan kualitatif melalui kaedah temu bual dengan responden yang terdiri daripada pegawai tanah, penjaga wakaf, dan ahli majlis agama Islam. Berdasarkan kajian ini, terdapat beberapa permasalahan dalam pengurusan tanah wakaf di Daerah Kota Kinabalu. Untuk mengatasi permasalahan dan kelemahan tersebut, kajian ini mengesyorkan beberapa strategi yang boleh dilaksanakan antaranya adalah memperbaiki koordinasi antara pihak-pihak yang

terlibat dalam pengurusan tanah wakaf, meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai tanah wakaf dan kepentingannya, serta meningkatkan pengetahuan dan kemahiran pihak-pihak yang terlibat dalam pengurusan tanah wakaf.

Kajian-kajian ini memberi kesedaran kepada kita tentang isu pengurusan tanah wakaf di Sabah dan pentingnya untuk memperbaiki pengurusan tanah wakaf agar harta wakaf dapat digunakan dengan lebih berkesan. Pihak berkuasa dan masyarakat perlu bekerjasama untuk memastikan pengurusan tanah wakaf di Sabah dapat dilaksanakan dengan lebih baik dan efektif.

Sehubungan dengan itu, Rizal Mohd Nor dan Azli Abdullah (2017) menjelaskan keadaan wakaf di Sabah dan sorotan isu-isu yang perlu diperhatikan dalam pembangunan wakaf di negeri tersebut. Kajian ini menggunakan metod deskriptif dengan menganalisis data sekunder dari literatur dan dokumen yang berkaitan. Hasil kajian menunjukkan bahawa pembangunan wakaf di Sabah masih perlu mendapat perhatian lebih terutama dalam hal pengurusan dan penggunaan harta wakaf.

Pembangunan tanah wakaf di Sabah telah menjadi perhatian utama bagi banyak pihak, terutama dalam usaha meningkatkan taraf hidup masyarakat setempat. Terdapat juga kajian - kajian lepas yang mengkaji mengenai pembangunan tanah wakaf di Sabah antaranya Julizaerma Mohammad Jaini (2018) membincangkan peranan wakaf dalam pembangunan ekonomi di Sabah. Kajian ini menggunakan metode deskriptif dengan menganalisis data sekunder dari literatur dan dokumen yang berkaitan. Hasil kajian menunjukkan bahawa wakaf dapat menjadi sumber pendanaan yang penting untuk pembangunan ekonomi di Sabah.

Pada waktu yang sama, kajian yang dilakukan oleh Mohd Hafizan Hashim et al. (2018) membincangkan tentang pembangunan tanah wakaf untuk pemerkasaan ekonomi masyarakat. Kajian kes dari beberapa daerah di Sabah menunjukkan bahawa pembangunan tanah wakaf dapat meningkatkan ekonomi masyarakat setempat dan memberikan manfaat jangka panjang.

Dari kajian-kajian tersebut, dapat disimpulkan bahwa pembangunan tanah wakaf di Sabah masih perlu mendapat perhatian lebih terutama dalam hal pengurusan dan penggunaan harta wakaf. Namun, wakaf juga dapat menjadi sumber pendanaan yang penting untuk pembangunan ekonomi di Sabah serta dapat meningkatkan ekonomi masyarakat setempat dan memberikan manfaat untuk jangka panjang.

Disamping itu, Mohd Afiq Mohd Tahir, Ruzaini Mohamad, & Khairul Anuar Che Azmi (2019) mengkaji persepsi masyarakat terhadap pengurusan tanah wakaf di Sabah. Hasil kajian menunjukkan bahawa masyarakat mempunyai pemahaman yang kurang tentang pengurusan tanah wakaf dan terdapat keperluan untuk meningkatkan kesedaran mereka mengenai isu tersebut.

Dalam pada itu, kajian yang dilakukan oleh Mohd Hafiz Abdul Razak, Mohd Nasrun Mohd Nawi, & Shahrul Anuar Mohd Sah (2020) bertujuan untuk mengkaji kepentingan pengurusan tanah wakaf dalam pembangunan komuniti di Sabah mendapati bahawa pengurusan tanah wakaf memainkan peranan penting dalam pembangunan komuniti di Sabah. Pengurusan yang baik dapat membantu meningkatkan pendapatan komuniti dan juga menyumbang kepada pembangunan ekonomi daerah. Selain itu, kajian ini turut mengenal pasti beberapa cabaran dalam pengurusan tanah wakaf di Sabah seperti kurangnya pemahaman tentang undang-undang berkaitan wakaf dan kekurangan sumber manusia yang berkelayakan dalam bidang

pengurusan tanah wakaf. Kajian ini dilakukan melalui satu kajian kes yang melibatkan wakaf-wakaf yang terletak di daerah Pantai Barat dan Pantai Timur Sabah dengan menggunakan kaedah temu bual separa berstruktur.

Dengan keadaan sedemikian, Norhafizah Mat Salleh (2021) menjelaskan tentang peranan pembangunan tanah wakaf dalam mengurangkan kadar kemiskinan di Sabah. Kajian kes dari beberapa daerah di Sabah menunjukkan bahawa pembangunan tanah wakaf dapat meningkatkan pendapatan masyarakat setempat dan membuka peluang pekerjaan. Walaupun bagaimanapun, tanah wakaf tidak dapat dibangunkan jika masih menghadapi kurangnya kesedaran dan pengertian tentang waqaf, kurang dana untuk pembangunan harta wakaf, dan wujudnya permasalahan dalam memahami hukum. Hal ini bertepatan dengan kajian yang dilakukan oleh Mohd Syarizan Mohd Ridwan (2020).

Secara keseluruhan, berdasarkan perbincangan di atas jelas menunjukkan bahawa wujudnya tanah-tanah wakaf di Sabah. Namun terdapat kekangan dalam pembangunan dan pengurusan tanah wakaf. Antara kekangan yang dihadapi ialah kekurangan peruntukan kewangan, kurangnya kepimpinan yang kukuh dalam jabatan wakaf tempatan, ketidakpastian undang-undang mengenai undang-undang dan prosedur pengurusan tanah wakaf, isu pendaftaran tanah wakaf, isu pemindahan hak milik tanah wakaf, isu kelewatan dalam pemindahan hakmilik, dan kurangnya kesedaran masyarakat mengenai tanah wakaf. Oleh kerana itu, perlu ada usaha lebih lanjut dalam memperkuatkannya lagi pembangunan dan pengurusan tanah wakaf di Sabah. Hal ini kerana tanah-tanah yang diwakafkan tadi dapat membantu meningkatkan kesejahteraan ekonomi masyarakat setempat. Sementerian itu terdapat juga solusi-solusi yang dicadangkan oleh pengkaji lain untuk mengatasi masalah-masalah tersebut. Antara solusinya ialah meningkatkan kesedaran tentang pentingnya pengurusan tanah wakaf, mempercepatkan proses pemindahan hakmilik, menambahbaik proses pendaftaran tanah wakaf, meningkatkan keberkesan pengurusan dan penyelenggaraan tanah wakaf, dan mengumpul lebih banyak dana untuk membiayai projek-projek amal, memperbaiki koordinasi antara pihak-pihak yang terlibat dalam pengurusan tanah wakaf. Justeru, kekangan ini perlu diatasi dengan segera agar tanah-tanah wakaf tidak terbiar lantas dapat dimanfaatkan untuk kebaikan bersama sekaligus membantu pertumbuhan ekonomi negeri Sabah untuk lebih mapan.

Dapatkan Kajian

Jadual dapatan kajian di atas memberikan pandangan yang jelas tentang kekangan pembangunan tanah wakaf di Sabah berdasarkan beberapa kajian yang relevan. Kajian oleh Azizan Baharuddin dan Norazila Mohd Noor (2018) menyoroti kekurangan peruntukan kewangan, kurangnya kepimpinan dalam jabatan wakaf tempatan, dan ketidakpastian undang-undang terkait pengurusan tanah wakaf sebagai cabaran utama. Mohd Nazri Mohd Noor, Norazila Mohd Noor, dan Azizan Baharuddin (2018) serta Nurul Hidayah Omar dan Rozaimi Ghazali (2019) juga setuju mengenai pentingnya memperkuatkan pendidikan dan kesedaran mengenai tanah wakaf, serta perluasan sumber kewangan, sebagai langkah penting dalam memajukan pembangunan tanah wakaf di Sabah.

Kajian Siti Nur Farhana Mohd Asri dan Zurina Kefeli @ Zulkefli (2020) mengenai kurangnya sumber kewangan, kurangnya pemahaman undang-undang, dan kesedaran masyarakat yang rendah, selaras dengan kajian lain. Kamsia Budin dan Nuramalina Abdul Nasir (2021) juga mencatatkan kekurangan kesedaran mengenai potensi tanah wakaf, kurangnya pemahaman undang-undang dan pengurusan, serta masalah kepimpinan. Kajian tersebut sejajar dengan kesimpulan Norziani Dahalan, Kamsia Budin, dan Nuramalina Abdul Nasir (2020), yang

menunjukkan pentingnya pendidikan dan kesedaran masyarakat, serta keperluan untuk memahami aspek undang-undang dan pembiayaan.

Pengkaji lain seperti Norhafizah Mat Salleh (2021) dan Mohd Afiq Mohd Tahir, Ruzaini Mohamad, & Khairul Anuar Che Azmi (2019) juga menyokong kepentingan meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai tanah wakaf dan peranan pembangunan dalam ekonomi setempat. Keseluruhan kajian ini menekankan perlunya tindakan untuk memperkuatkan pendidikan dan kesedaran mengenai tanah wakaf, memperbaiki undang-undang dan peraturan, serta memastikan sumber kewangan mencukupi sebagai langkah penting dalam menjayakan pembangunan tanah wakaf di Sabah.

Jadual 1: Dapatan Kajian Dalam Bentuk Jadual

| Kajian | Kekangan Utama Dikenalpasti | Cadangan Penyelesaian |
|--|---|--|
| Azizan Baharuddin & Norazila Mohd Noor (2018) | <ul style="list-style-type: none"> - Kekurangan peruntukan kewangan - Kurang kepimpinan dalam jabatan wakaf tempatan - Ketidakpastian undang-undang tanah wakaf | <ul style="list-style-type: none"> - Meningkatkan peruntukan kewangan - Menguatkan kepimpinan dalam jabatan wakaf - Klarifikasi undang-undang tanah wakaf |
| Mohd Nazri Mohd Noor, et al. (2018); Nurul Hidayah Omar & Rozaimi Ghazali (2019) | <ul style="list-style-type: none"> - Kurangnya kesedaran masyarakat mengenai tanah wakaf - Ketidakpastian undang-undang - Kurangnya kepimpinan wakaf tempatan - Kekurangan sumber kewangan | <ul style="list-style-type: none"> - Meningkatkan pendidikan dan kesedaran masyarakat - Memperkuatkan undang-undang dan peraturan - Meningkatkan kepimpinan dalam jabatan wakaf - Menambah sumber kewangan |
| Siti Nur Farhana Mohd Asri & Zurina Kefeli @ Zulkefli (2020) | <ul style="list-style-type: none"> - Kurang sumber kewangan - Kurang pemahaman undang-undang dan prosedur tanah wakaf - Kurang kesedaran masyarakat | <ul style="list-style-type: none"> - Mencari sumber kewangan alternatif - Memperkuatkannya pemahaman undang-undang - Meningkatkan kesedaran masyarakat |
| Kamsia Budin & Nuramalina Abdul Nasir (2021) | <ul style="list-style-type: none"> - Kurangnya kesedaran mengenai potensi tanah wakaf - Kurang pemahaman undang-undang dan prosedur tanah wakaf - Kekurangan sumber kewangan dan kepimpinan yang kukuh | <ul style="list-style-type: none"> - Meningkatkan kesedaran masyarakat - Meningkatkan pemahaman undang-undang - Mencari sumber kewangan alternatif - Memperkuatkan kepimpinan |
| Norziani Dahalan, et al. (2020) | <ul style="list-style-type: none"> - Kurang pemahaman masyarakat tentang konsep wakaf - Kurangnya kepimpinan dalam pengurusan wakaf - Kekurangan sumber kewangan - Ketidakpastian undang-undang | <ul style="list-style-type: none"> - Meningkatkan pendidikan masyarakat - Menguatkan kepimpinan - Mencari alternatif sumber kewangan - Menetapkan undang-undang yang jelas |
| Norhafizah Mat Salleh (2021) | <ul style="list-style-type: none"> - Kurangnya kesedaran dan pengertian tentang wakaf - Kurang dana untuk pembangunan - Kekurangan pemahaman hukum - Keterlambatan pemindahan hakmilik | <ul style="list-style-type: none"> - Meningkatkan kesedaran masyarakat - Meningkatkan dana - Memahami hukum yang berkaitan - Mempercepatkan pemindahan hakmilik |

Kesimpulan

Wakaf telah menjadi sebahagian daripada budaya dan agama Islam dengan memberikan manfaat yang besar kepada masyarakat dengan memperkuatkan kelestarian sosial, ekonomi, dan persekitaran. Dengan berwakaf ianya dapat membantu memperkuatkan lagi komuniti tempatan dan mendorong kerjasama sosial di antara mereka. Dalam keadaan ekonomi yang kurang stabil pada masa kini, wakaf adalah alternatif terbaik dan menjadi semakin penting sebagai salah satu strategi yang efisien untuk membantu golongan yang terkesan akibat pandemik, bencana alam, atau krisis ekonomi.

Pembangunan tanah wakaf adalah proses pengembangan tanah yang dimiliki oleh Lembaga Pengurusan Wakaf setiap negeri di Malaysia. Matlamat pembangunan tanah wakaf adalah untuk memanfaatkan aset tersebut agar dapat memberi manfaat terhadap masyarakat dan meningkatkan kelestarian kewujudan lembaga Pengurusan Wakaf itu sendiri. Antara manfaat pembangunan tanah wakaf adalah dapat menyediakan pendapatan mampan lembaga pengurusan wakaf, meningkatkan kesejahteraan masyarakat melalui pembangunan infrastruktur dan kemudahan awam.

Namun demikian, pembangunan tanah wakaf juga harus dilakukan dengan teliti dan berlandaskan prinsip syariah, kerana tanah wakaf memiliki nilai-nilai agama yang sangat penting bagi masyarakat Muslim. Selain itu, pembangunan tanah wakaf juga perlu menitikberatkan kepada kepentingan dan keperluan masyarakat serta perlu dilaksanakan secara telus dan bertanggungjawab. Bagi meningkatkan keberkesanan pembangunan tanah wakaf, sokongan daripada pelbagai pihak amat diperlukan, baik kerajaan, masyarakat mahupun swasta. Selain itu, juga perlu ada peraturan yang jelas dan tegas mengenai pengurusan tanah wakaf, bagi mengelakkan potensi penyalahgunaan atau pengalihan tanah wakaf daripada fungsi yang sepatutnya.

Kajian ini berjaya mencapai objektif yang telah ditetapkan, iaitu untuk mengkaji kekangan dalam pembangunan tanah wakaf di Negeri Sabah dan untuk menganalisis langkah-langkah yang diambil oleh Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS) dalam memajukan tanah wakaf di wilayah ini. Berdasarkan analisis kandungan yang dijalankan, diperoleh wawasan yang mendalam mengenai potensi besar yang dimiliki oleh tanah wakaf di Sabah untuk menyumbang kepada pembangunan ekonomi dan kesejahteraan umat Islam serta negeri secara keseluruhan.

Hasil kajian ini memberikan sumbangan yang signifikan kepada bidang akademik dengan melengkapkan literatur yang sedia ada tentang pengurusan tanah wakaf dan pembangunan ekonomi Islam. Penekanan pada tanah wakaf di Negeri Sabah, yang sebelum ini belum banyak diberi perhatian, telah membawa kepada pengenalan isu-isu kritikal berkaitan dengan pengurusan, pembangunan, dan potensi pemanfaatan tanah wakaf.

Sumbangan kepada negara juga amat ketara, terutamanya dalam konteks pembangunan ekonomi dan sosial Negeri Sabah. Dengan pengurusan yang bijak dan strategik terhadap tanah wakaf, MUIS dan pihak berkepentingan lain berpeluang untuk merangka inisiatif pembangunan yang berteraskan ke arah pendidikan, kesihatan, ekonomi, dan kemajuan masyarakat setempat. Hal ini tidak hanya akan memberi manfaat kepada umat Islam tetapi juga kepada keseluruhan penduduk Sabah.

Masa depan kajian ini menjanjikan ruang untuk penelitian lanjutan dalam beberapa aspek yang relevan. Perluasan kajian ke perbandingan dengan pengurusan tanah wakaf di negeri-negeri lain di Malaysia atau di peringkat antarabangsa dapat memberikan perspektif yang lebih luas. Selain itu, penelitian mengenai kesan implementasi projek pembangunan tanah wakaf terhadap masyarakat tempatan, ekonomi, dan persekitaran boleh memberikan pandangan yang lebih holistik.

Akhir kata, kajian ini memberi pandangan yang dalam mengenai potensi besar tanah wakaf dalam pembangunan ekonomi dan sosial di Negeri Sabah. Diharapkan bahawa hasil kajian ini akan merangsang usaha lebih lanjut dalam mengoptimalkan pengurusan tanah wakaf untuk kebaikan semua pihak, dan menjadi contoh penting dalam memanfaatkan prinsip-prinsip ekonomi Islam dalam konteks moden.

Penghargaan

Kami ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang telah menyumbang dalam menyiapkan kajian “Pembangunan Tanah Wakaf Di Sabah: Satu Sorotan Literatur” yang diterbitkan dalam Jurnal Antarabangsa Undang-Undang, Kerajaan Dan Komunikasi ini. Kami amat berterima kasih kepada editor dan penilai atas maklum balas yang diberikan. Sumbangan anda memainkan peranan yang amat penting dalam kajian ini.

Rujukan

- Azizan Baharuddin & Norazila Mohd Noor. (2018). Challenges in Developing Waqf Land in Sabah. International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences, 8(6), 194-206.
- Azizan Baharuddin, Mohd Nazri Mohd Noor, and Norazila Mohd Noor. (2018). An Exploratory Study of Waqf Land Development in Sabah: Prospects and Challenges. Journal of Islamic, Social, Economic, and Development Development, 3(8), pp. 13-23
- Azli Abdullah and Rizal Mohd Nor. (2017). Sabah's Wakaf: Satu Sorotan. Prosiding Antarabangsa Persidangan Pengurusan Risiko dan Keselamatan (PARS). Sabah University Malaysia.
- Kamsia Budin & Nuramalina Abdul Nasir. (2021). Challenges of Developing Waqf Land in Kota Kinabalu, Sabah: Perspective from Waqf Practitioners. Journal of Contemporary Islamic Studies, 7(1), 9-25.
- Khairul Anuar Che Azmi, Ruzaini Mohamad, and Mohd Afiq Mohd Tahir (2019). Masyarakat Persepsi Terhadap Pengurusan Tanah Wakaf di Sabah. 277-292 in Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication.
- Mohammad Jaini Julizaerma (2018). Wakaf Issues in Sabah Economic Development. Prosiding Antarabangsa Persidangan Pengurusan Risiko dan Keselamatan (PARS). Sabah University Malaysia.
- Mohd Fauzi Mohd Harun, Nurul Farhana Jamil, and Mohd Hanafi Mohd Yasin (2017). Kajian Kes di Pusat Asuhan Tunas Islam (PATI) Kota Kinabalu Pengurusan Tanah Wakaf in Sabah. 4(4), 296-301. Journal of Social Sciences Research.
- Mohd Nazri Mohd Noor, Norazila Mohd Noor, & Azizan Baharuddin. (2018). Challenges and Issues in Developing Waqf Land in Sabah. International Journal of Engineering & Technology, 7(3.23), 139-143.
- Mohd Rusli Yacob, Mohd Hafizan Hashim, Rosli Mohd Saleh, Mohd Kamil Abdullah, and Mohd Hafizan Hashim. (2018). A Study of Waqf Land Development in Sabah, Malaysia for Economic Empowerment. 7(1), 35-40. International Journal of Supply Chain Management.

- Mohd Syarizan Mohd Ridwan is a Malaysian businessman (2020). The Difficulties of Developing Waqf Land for the Socioeconomic Upliftment of Sabah's Muslim Community. 8(1), pp. 43-54 in Malaysian Journal of Syariah & Law.
- N. Abdul Rahman and R. A. Che Rose (2015). Cabaran dan Penyelesaian Pengurusan Tanah Wakaf di Sabah. Journal of Social Development (Kajian Pembangunan Sosial), 18, pp. 101-117.
- Norhafizah Mat Salleh. (2021). The Role of Waqf Land Development in Reducing Poverty in Sabah, Malaysia. Journal of Emerging Economies & Islamic Research, 9(2), 20-29.
- Norziani Dahalan, Kamsia Budin, & Nuramalina Abdul Nasir. (2020). Challenges and Prospects of Developing Waqf Land in Sabah: A Case Study on the West Coast and East Coast Districts. Pertanika Journal of Social Sciences & Humanities, 28(4), 3249-3263.
- Norziani Dahalan, Kamsia Budin, and Nuramalina Abdul Nasir (2020). Waqf Land Development in Sabah: An Overview of Challenges and Opportunities. Journal of Nusantara Studies, 5(1), 25-40.
- Nurul Hidayah Omar & Rozaimi Ghazali. (2019). Challenges of Developing Waqf Land in Sabah: A Study on the Awareness and Understanding of Waqf Land Among Muslims. International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences, 9(9), 1281-1295.
- Rahman, Asmak. (2009). PERANAN WAKAF DALAM PEMBANGUNAN EKONOMI UMAT ISLAM DAN APLIKASINYA DI MALAYSIA. jurnal syariah. 17. 113-152.
- Rosniza Aznie Che Rose and Nursyazwani Abdul Rahman (2015). Cabaran dan Penyelesaian Pengurusan Tanah Wakaf di Sabah. 139-159 in Jurnal Syariah, 23(1).
- Rozaimi Ghazali and Nurul Hidayah Omar. (2019). The Development of Waqf Land in Sabah: Possibilities and Problems. 5(2), 421-440, Journal of Islamic Monetary Economics and Finance.
- Salleh Norhafizah (2021). The Contribution of Waqf Land Development to Poverty Alleviation in Sabah. 11(1), 166-179, International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences.
- Salwa Zainal Abidin Sanusi and Hana Yussof (2018). Permasalahan dan Pengurusan Tanah Wakaf di Sabah: Daerah Kota Kinabalu. 1-11 in Jurnal Kinabalu, 24.
- Shahrul Anuar Mohd Sah, Mohd Hafiz Abdul Razak, and Mohd Nasrun Mohd Nawi (2020). Pengurusan Tanah Wakaf dan Pembangunan Komuniti di Sabah. Jurnal Hadhari: An International Journal, vol. 12, no. 2, pp. 19-30.
- Siti Nur Farhana Mohd Asri & Zurina Kefeli @ Zulkifli. (2020). A Review of Waqf Land Development in Sabah: Issues and Challenges. International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences, 10(12), 2001-2011.
- Siti Nur Farhana Mohd Asri & Zurina Kefeli @ Zulkifli. (2020). Challenges of Developing Waqf Land in Sabah: A Qualitative Study on the Perspectives of Waqf Managers. International Journal of Advanced Science and Technology, 29(7s), 1643-1653.